

25 JUNE 2000

OIC-Usul

USUL MENGENAI SISTEM KEWANGAN DUNIA BUKAN UNTUK GANTIKAN IMF

KUALA LUMPUR, 25 Jun (Bernama) -- Cadangan Malaysia untuk mengusulkan resolusi mengenai satu kerangka baru kewangan antarabangsa pada Persidangan Menteri Luar Negara-negara Islam ke-27 yang bermula di sini Selasa ini bukan bertujuan mengambilalih Bank Dunia atau Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini berkata apa yang Malaysia ingin lihat ialah supaya negara-negara kaya dan membangun sama-sama mengambil bahagian dalam mengukuhkan sistem kewangan dunia.

"Ubat IMF untuk penyakit kewangan ialah pukul rata semua orang. Matilah orang sebab ada sesetengahnya punyai masalah lain. Jadi kita kena tahu masalah-masalah lain juga," katanya ketika ditemuramah RTM dalam rancangan Selamat Pagi Malaysia hari ini.

Oleh itu, menurut beliau, perlu ada pembentukan sistem kewangan baru yang mengambilkira sensitiviti dan keadaan semasa.

"Kita juga perlu mengambilkira aliran modal, manipulasi mata wang dan benda-benda yang perlukan peraturan yang tidak merugikan negara yang lemah dan yang tak dapat berhadapan dengan gergasi kewangan dunia," katanya.

Syed Hamid berkata persidangan empat hari itu juga akan membincangkan antara lain bagaimana mengubah persepsi Barat bahawa negara-negara Islam mundur dan sentiasa berkonflik.

Katanya, persidangan itu akan membincangkan bagaimana negara-negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) boleh menjadi sebahagian daripada masyarakat dunia yang dihormati dan disegani dan bukan dilihat sebagai negara-negara yang sentiasa bertelagah.

"Mereka (Barat) sentiasa memberi gambaran yang tidak baik...penggunaan, miskin dan mundur. Ini semua kita perlu ubah. Kita tunjukkan contoh yang baik supaya orang tak boleh kata kita tak baik," katanya.

Beliau berkata negara-negara Islam tidak perlu bergantung penuh kepada negara lain kerana pengantungan mutlak kepada negara lain akan hanya menyebabkan sesebuah negara itu mudah dikongkong.

"Oleh itu, kita harus tentukan masa depan kita sendiri. Kita tengok di Asia Barat, masih ada isu-isu yang memecah-belahkan kedudukan negara-negara di sana," katanya.

Syed Hamid berkata negara-negara Islam perlu menumpukan kepada persamaan dan bukan perbezaan dalam memajukan lagi pencapaian masing-masing termasuk dalam soal ekonomi mahupun politik.

"Kalau politik menjadi perkara yang menghambat kita dalam mencapai kejayaan, kita kendurkan isu politik. Yang kita perlu ketengahkan ialah isu yang melibatkan soal kerjasama," katanya.

Beliau juga berkata adalah menjadi harapan Kuala Lumpur supaya persidangan itu dapat membincangkan isu-isu secara terbuka.

Ketika ditanya pemberita kemudian mengenai bagaimana OIC dapat berfungsi dengan lebih efektif, Syed Hamid berkata negara anggota harus melakukan penilaian sendiri untuk menentukan kekuatan dan kelemahan mereka dan memaksimumkan sumber-sumber yang ada untuk faedah bersama.

"Saya fikir pendapat yang mengatakan OIC tidak mencapai apa-apa kejayaan adalah tidak benar, dan berbeza dengan dahulu kita kini lebih mengenali di antara satu sama lain dengan peningkatan kerjasama di antara kita, hubungan dua hala telah diwujudkan dan perlu dipertingkatkan," katanya.

Syed Hamid berkata selain daripada cadangan untuk mempertingkatkan

perdagangan pelbagai hala dan kerangka baru kewangan, Malaysia akan juga mengemukakan syor mengenai kemajuan teknologi dan komunikasi di dalam OIC.

Beliau berkata ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada perasmian Persidangan Menteri-menteri Luar Negara Islam (ICFM) Selasa ini akan menyentuh mengenai peranan OIC dan negara-negara Islam pada abad ke-21.

Menjawab satu soalan, beliau berkata tidak perlu ada kesangsian mengenai keupayaan OIC untuk berfungsi secara efektif bagi manfaat negara-negara Islam.

Kira-kira 1,000 orang perwakilan dari negara-negara anggota OIC akan menghadiri persidangan itu, yang kedua dianjurkan oleh Malaysia. Kali terakhir Kuala Lumpur menganjurkan mesyuarat itu ialah pada 1974.

OIC, yang ditubuhkan pada 1969, terdiri daripada 56 negara anggota dan empat negara pemerhati termasuk Bosnia, Herzegovina dan Thailand.

-- BERNAMA

NZ MAM AKD